

INFO SUKAN



EDISI JULAI / OGOS 2018

Program Mobiliti Atlet

Jawatankuasa
Info Sukan UPM

Penasihat:
Zaharah Hj Abdullah

Ketua Editor:
Muhammad Al Amin Mustafha

Editor:
Nor Azmi Hj Sulaiman
Muhammad Fais Rahmat

www.i-sukan.upm.edu.my

[f](#) Pusat Sukan UPM

03-8946 4289



Program mobiliti pelajar sukan telah menjadi program tahunan Pusat Sukan UPM dengan menghantar pasukan-pasukan UPM ke luar negara untuk menyertai kejohanan atau menjalankan latihan pasukan. Objektif utama program mobiliti ini ialah bagi mengeratkan hubungan antara universiti yang terlibat, mengembangkan usaha pengantarabangsaan UPM dan memberi peluang kepada para atlet untuk menimba pengalaman melalui perlawanan persahabatan antarabangsa serta berpeluang melihat suasana persekitaran universiti luar. Antara program mobiliti yang telah dijalankan sepanjang bulan Julai dan Ogos 2018 ialah:

Bil.	Tarikh	Tempat yang dilawati	Penyertaan	Aktiviti yang dijalankan
1	28 Jun - 1 Julai 2018	Hamburg, Jerman	Pasukan Sepak Takraw terdiri daripada 6 orang pelajar dan 2 pegawai	1. Klinik Sepak Takraw 2. Penyertaan Kejohanan Sepak Takraw "Dragon CUP"
2	24 - 28 Ogos 2018	Thaksin University dan Songkhla Rajabhat University, Thailand	Pasukan Bola Sepak: 25 orang Pasukan Tenis: 11 orang Pegawai: 5 orang	1. Perlawanan persahabatan Bola Sepak & Tenis 2. Persembahan Kebudayaan 3. Lawatan sekitar universiti



Atlet UPM di Kejohanan Sukan Asia 2018

Seramai 30 orang atlet UPM yang terdiri daripada pelbagai sukan telah meletakkan bakat mereka untuk membutirkan sebarang pingat di temasya Sukan Asia 2018 yang diadakan di Palembang, Indonesia, bermula 18 Ogos hingga 2 September 2018.

Berikut merupakan pecahan penyertaan atlet UPM ke Kejohanan Sukan Asia 2018.



18th ASIAN GAMES
Jakarta Palembang 2018

30
ATLET
UPM



GINNASTIK ARTISTIK
1 WANITA



RAGBI 7'S
6 LELAKI



TERJUN
1 WANITA



RENANG BERIRAMA
1 WANITA



HOKI
2 LELAKI 9 WANITA




WUSHU
1 WANITA



JUDO
1 LELAKI



MEMANAH
1 WANITA



WALL CLIMBING
1 WANITA



OLAHRAGA
2 LELAKI 1 WANITA



MENEMBAK
2 LELAKI



SEPAK TAKRAW
1 LELAKI

Majlis Ramah Mesra Warga Kementerian Pendidikan Malaysia bersama Atlet Negara

Sebahagian atlet UPM/negara bersama YBhg. Naib Canselor UPM dan YB. Menteri Pendidikan Malaysia sempena Majlis Ramah Mesra bersama warga Kementerian Pendidikan Malaysia yang diadakan di Pusat Konvensyen Antarabangsa, Putrajaya pada 12 Julai 2018.



Majlis Penyerahan Bendera MASUM

Majlis Penyerahan Bendera Kontinjen UPM ke Kejohanan MASUM 2018 telah diadakan pada 8 Julai 2018 bertempat di Dewan Serbaguna Pusat Sukan UPM. Majlis tersebut telah diadakan dalam suasana Hari Raya yang turut dihadiri oleh Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar & Alumni UPM serta pegawai-pegawai Pusat Sukan UPM.



Kejohanan SUKUM 2018

Kejohanan Sukan Staf Antara Universiti Malaysia (SUKUM) 2018 telah berlangsung di Universiti Malaysia Pahang pada 10 hingga 18 Ogos 2018. Kontinjen UPM telah menghantar sebanyak 13 pasukan untuk memberi saingan pada edisi 2018 ini. Pasukan UPM secara keseluruhannya berada di tangga ke 12 dengan kutipan 4 emas, 7 perak dan 16 gangsa pada kejohanan kali ini. Pingat emas UPM hadir melalui sukan Olahraga (2), Ping Pong Campuran (1) dan Catur (1).



Cheong Jun Hoong Olahragawati MASUM 2017

Cheong Jun Hoong telah dinobatkan sebagai pemenang Olahragawati MASUM bagi tahun 2017. Kejayaan merangkul gelaran tersebut adalah bersandarkan kejayaan dan kegemilangan beliau dalam arena sukan Terjun di peringkat kebangsaan, antarabangsa dan dunia pada tahun 2017. Kejayaan menjuarai pingat emas dalam Kejohanan Akuatik Dunia 2017 yang berlangsung di Budapest, Hungary, merupakan sebuah kejayaan gemilang buat negara apabila muncul sebagai juara dalam acara 10m platform. Kejayaan menggondol pingat emas itu adalah yang pertama buat negara sepanjang penyertaan atlet dalam Kejohanan Akuatik Dunia.



Takwim Kejohanan Sukan Kolej Semester 1, Sesi 2018/2019

Kejohanan Sukan Kolej UPM bagi semester 1 sesi 2018/2019 akan bermula pada 17 September 2018. Sebanyak 22 acara sukan bakal dipertandingkan melibatkan saingan di antara 17 kolej kediaman di UPM. Berikut merupakan takwim kejohanan Sukan Kolej UPM bagi semester 1 sesi 2018/2019.

HARI	OGOS (2018)	SEPTEMBER (2018)	OKTOBER (2018)	NOVEMBER (2018)	DESEMBER (2018)	JANUARI (2019)
I			1			
S			2			1
R	1		3			2
K	2		4			3
J	3		5			4
SA	4		6			5
A	5		7			6
I	6		8			7
S	7		9			8
R	8		10			9
K	9		11			10
J	10		12			11
SA	11		13			12
A	12		14			13
I	13		15			14
S	14		16			15
R	15		17			16
K	16		18			17
J	17		19			18
SA	18		20			19
A	19		21			20
I	20		22			21
S	21		23			22
R	22		24			23
K	23		25			24
J	24		26			25
SA	25		27			26
A	26		28			27
I	27		29			28
S	28		30			29
R	29		31			30
K	30					31
J	31					
SA						
A						
I						

	HARI MINGGU
	KEJOHANAN SUKAN KOLEJ
	CUTI SEMESTER/ULANGKAJI/PEPERIKSAAN
	KEJOHANAN MASUM
	LAIN-LAIN KEJOHANAN
	PELEPASAN AM

Senarai acara yang dipertandingkan di dalam Semester Pertama (2018/2019)

- | | | |
|-------------------|--------------------------------|------------------|
| 1 Badminton L & W | 6 Merentas Kampus | 11 Memanah L & W |
| 2 Olahraga L & W | 7 Tenpin Bowling L & W | 12 Hoki W |
| 3 Futsal L & W | 8 Ping Pong L & W | 13 Golf L & W |
| 4 Skuasy L & W | 9 Ragbi 15's | |
| 5 Sofbol L & W | 10 Lari Berganti-ganti Jlnraya | |

*Tertakluk kepada sebarang perubahan

Tarikh Kemaskini : 5 Jun 2018 (10:02)

Penyertaan dan Pencapaian Pasukan UPM (Julai & Ogos 2018)

Berikut merupakan penyertaan dan pencapaian pasukan UPM dalam kejohanan yang disertai bagi bulan Julai dan Ogos 2018.

Bil.	Kejohanan	Tarikh	Tempat	Pencapaian
1	Kejohanan Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) Fasa 1, 2018	15 - 22 Julai 2018	Universiti Malaysia Kelantan (UMK)	Naib Johan Keseluruhan (6 Emas, 3 Perak dan 2 Gangsa)
2	Kejohanan Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) Fasa 2, 2018	29 Julai - 5 Ogos 2018	Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)	Naib Johan Keseluruhan (15 Emas, 6 Perak dan 2 Gangsa)
3	Kejohanan "Higher Education Sports Fest (HESF) 2018"	24 - 28 Julai 2018	Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)	Johan Keseluruhan (36 Emas, 23 Perak dan 16 Gangsa)
4	Kejohanan Menembak 10m IPT & Jemputan Kebangsaan 2018, UPM	4 - 8 Julai 2018	Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)	Johan Keseluruhan (6 Emas, 1 Perak, 2 Gangsa)

